

Pelantikan Ketua Pemuda

21 JAN 2003

UM

KUALA LUMPUR 20 Jan. — Pergerakan Pemuda MCA menyifatkan pelantikan Ketua Pemuda Selangor dan tiga lagi bakal ketua pemuda negeri oleh presiden parti, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik jelas melanggar pelan damai yang dipersetujui tahun lepas.

Setiausaha Agung Pemuda MCA, Liow Tiong Lai berkata, keputusan itu bercanggah dengan pelan damai tajaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan perlembagaan parti.

Katanya, di antara perkara yang melanggar pelan damai itu ialah keputusan mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) MCA minggu lepas yang melantik Wong Koon Mun sebagai Ketua Pemuda Selangor dan keputusan presiden untuk menyerahkan kepada pengerusi perhubungan negeri bagi melantik

Ketua Pemuda Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Ibu pejabat MCA di sini, hari ini.

Tiong Lai menegaskan, pihaknya akan mengambil satu tindakan susulan bagi memastikan pucuk pimpinan menyedari keputusan yang dibuat sebelum ini mendapat bantahan di peringkat akar umbi.

“Kita minta supaya presiden mendengar pandangan kita, kalau tidak, tindakan susulan akan diambil.

“Ini bukan ancaman kepada presiden tetapi setakat menyuarakan hasrat dan pandangan kita,” katanya.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan bentuk tindakan susulan tersebut dan tidak

MCA Selangor langgar pelan damai

menjelaskan tempoh tertentu bagi presiden parti memberi maklum balas.

Tiong Lai yang juga Ahli Parlimen Bentong berkata, berdasarkan pelan damai, sebarang keputusan yang tidak dipersetujui oleh pihak terbabit perlu dibincangkan bersama dan jawatan yang perlu diisi akan dikosongkan sehingga pihak yang tidak berpuas hati mencapai persetujuan bersama.

Katanya sebelum ini, terdapat dua calon berhubung pelantikan ketua pemuda tetapi tidak dipersetujui.

Pada masa yang sama katanya, pengisian jawatan ketua pemuda negeri perlu dilakukan menerusi pemilihan di negeri berkenaan dan bukan melalui lantikan, seperti yang terkandung dalam perlembagaan parti.

“Presiden mempunyai kuasa mutlak me-

lantik pengerusi perhubungan negeri tetapi bagaimana pula beliau menyerahkan kepada ketua perhubungan negeri untuk melantik ketua pemuda,” katanya.

Justeru katanya, apa juga keputusan yang diambil sebelum ini berhubung jawatan ketua pemuda negeri bercanggah dengan semangat pelan damai.

Beliau berkata, sekiranya Liong Sik hendak mengambil apa-apa langkah, ia perlu mengikut asas-asas yang telah ditetapkan dalam pelan damai iaitu apa juga jawatan yang tidak dipersetujui perlu dikosongkan dan usaha mendapatkan persetujuan perlu dibuat secara perbincangan dan permuafakatan.

“Kita juga berasa amat kesal kerana masa Pemuda kini dalam usaha membantu

Barisan Nasional pada pilihan raya akan datang, tiba-tiba presiden melakukan perkara ini yang akan memecah-belahkan perpaduan Pemuda di peringkat akar umbi,” tegasnya.

Bagaimanapun kata beliau, sekiranya pengisian jawatan ketua pemuda empat negeri terbabit dibuat menerusi pemilihan, satu langkah drastik membersihkan senarai keahlian parti perlu dibuat.

Beliau berkata, pemilihan empat ketua pemuda negeri merupakan jalan terbaik bagi menyelesaikan masalah itu dengan syarat pembersihan ahli-ahli hantu perlu dilakukan segera.

“Jangan menekan Pemuda dan memaksa untuk menerima pelantikan ini kerana tindakan tersebut akan mengakibatkan satu reaksi yang dahsyat,” kata beliau.